

16 NOV 1996

DIALOG MANILA AKAN PERKUKUHKAN LAGI PERKONGSIAN M'SIA-FILIPINA

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Dialog Manila yang akan diadakan dari 23 hingga 25 November ini di Filipina iaitu sebelum berlangsungnya mesyuarat ketua-ketua kerajaan Kersjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) akan memberi tumpuan terhadap usaha-usaha memperkukuhkan lagi perkongsian antara Malaysia dan Filipina.

Dialog tersebut juga bertujuan memperkukuhkan lagi kerjasama perniagaan dan ekonomi selain menggalakkan penubuhan lebih banyak usaha sama dan pelaburan strategik antara usahawan dari kedua-dua negara, kata pengerusi Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) Malaysia, Tan Sri Basir Ismail.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian antara penaja dan penganjur dialog itu di sini hari ini.

Penganjur dialog itu ialah Institut Strategi & Kepimpinan Asia (ASLI) dan PBEC manakala penajanya pula ialah Sime Darby Bhd, Renong Bhd, Metroplex Bhd, MBf Group, Leader Universal Holdings Bhd, Waterfront Group dan Berjaya/Cosway Phillipines Inc.

Bersempena dialog itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Majlis Perniagaan Filipina-Malaysia akan dilancarkan.

Menurut Basir kerajaan Malaysia dan Filipina menaruh harapan tinggi terhadap kebolehan kedua-dua majlis tersebut dalam meningkatkan kesedaran dan menubuhkan perkongsian yang lebih terbuka dan bermakna antara sektor awam dan swasta dengan memanfaatkan peluang yang banyak terdapat dalam bidang perniagaan, pelaburan dan pelancongan.

"Banyak peluang yang patut kita manfaatkan terutama yang terdapat di selatan (Filipina)," kata beliau.

Malaysia adalah antara pelabur luar terbesar di Filipina dan setakat ini Lembaga Pelaburan Filipina telah meluluskan pelaburan bernilai RM482.5 juta dari negara ini.

Antara tokoh terkemuka yang akan berucap pada dialog itu ialah penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin dan bekas setiausaha luar Filipina, Encik Roberto R. Romulo.

Sektor swasta dari Malaysia akan diwakili oleh pengerusi eksekutif Renong, Tan Sri Halim Saad, pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad dan ketua eksekutif kumpulan Sime Darby Bhd, Datuk Nik Mohamad Nik Yaacob.-- BERNAMA

SHO DIN rif